

Sembang-Sembang atas talian
Assalamualaikum w.b.t

Setelah lebih 1 tahun ODL dijalankan, pelbagai cara dilaksanakan bagi memastikan kuliah tetap berlangsung dengan baik. Bagi saya, mengajar subjek Matematik di atas talian memerlukan saya menggunakan pelbagai sumber yang ada untuk kelancaran kuliah. Jika sebelum ini hanya menggunakan *Google Form* (GForm) untuk kaji selidik, sekarang digunakan sepenuhnya untuk soalan kuiz, ujian malah peperiksaan akhir.

Saya juga pernah menggunakan Edmodo sebagai online platform selain Google Classroom (GC). Sebelum ini, saya suka meminta pelajar berkongsi jawapan di bahagian komen. Edmodo memberi peluang kepada pelajar lain untuk melihat jawapan rakan mereka dan bertanya di ruang komen tersebut. Berbeza dengan GC, komunikasi hanya antara pelajar terbabit dan pensyarah sahaja. Namun, disebabkan aplikasi ini kurang digunakan pensyarah lain, saya kembali menggunakan GC bagi memudahkan pelajar hanya menggunakan satu *online platform* untuk semua matapelajaran yang mereka ambil. Tapi, saya kurang gemar dengan beberapa *features* GC seperti *submission assessment* yang boleh dihantar oleh pelajar walaupun telah tamat *dateline*. Jadi, apa yang saya buat adalah, GC hanya sekadar platform perkongsian. Saya tidak menggunakan *features assessment* kerana semua soalan akan dimuatnaik di GForm. Saya juga *add on extension form limiter* di Chrome supaya GForm akan ditutup mengikut waktu yang saya tetapkan.

Berbalik kepada pengajaran Matematik secara online, selain dari Google Meet (GMeet) saya juga merakamkan video kepada pelajar. Jika sebelum ini hanya pandai menggunakan rekod *Powerpoint Slide*, sekarang saya hanya rekod *screen laptop* sahaja. Jika dulu menggunakan stylus, sekarang lebih cekap menggunakan *drawing tablet*. Sekarang bukan hanya mereka yang melukis sahaja menggunakan *drawing tablet*, saya kira ramai pensyarah juga membeli *gadget* ini sebagai alat bantu mengajar. Mengajar Matematik tetap juga secara tradisional, tetapi digabungkan dengan teknologi supaya ilmu sampai kepada pelajar. Saya masih perlu menulis jalan kerja, tidak boleh hanya bercakap sahaja kerana Matematik bukan sekadar nombor.

Selain itu, apabila ODL dilaksanakan sepenuhnya, kerja kursus pelajar perlu ditanda untuk markah mereka. Bagi saya yang mempunyai kekangan *storage laptop* yang kecil, saya tidak mampu untuk simpan semua jawapan pelajar di dalam laptop. Walaupun sekarang saya sudah membeli 1 *external HD*, ia hanya digunakan untuk rekod peperiksaan akhir, Jika saya gunakan untuk simpanan semua kelas, *external HD* ini juga akan penuh. Disebabkan saya menanda jawapan pelajar secara online, saya menggunakan website Kami untuk tujuan penandaan kerana *features* yang lebih *user friendly* dan automatik menyimpan jawapan pelajar ke Google Drive. Sebenarnya, ada beberapa website yang boleh digunakan untuk menanda jawapan secara online seperti *Read&Write for Google Chrome* dan *DocHub*. Namun saya selesa di *Annotate with Kami*.

Setelah 1 tahun lebih mengajar secara atas talian, saya percaya ramai pensyarah yang tiba-tiba perlu membiasakan diri dengan kaedah baru semakin selesa mengajar. Saya juga masih *explore* beberapa *features* menarik untuk digunakan kelak. Prinsip saya, cari kaedah yang paling memudahkan dan percuma. *Explore* dan anda akan gembira dengan setiap perkara baru yang kita jumpa. Mungkin hanya perkara kecil kepada mereka yang sudah didedahkan dari dulu, tapi ianya ilmu berharga untuk kita yang masih baru dengan kaedah pembelajaran dan pengajaran secara maya.

Kepada rakan-rakan seperjuangan, selamat bekerja dengan gembira!

-missbenz-